

21 APR 1997

Mahathir-Hungary

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Malaysia menggalakkan penyertaan para pelabur Hungary dalam pelbagai projek pembangunan dan sektor pembuatannya terutama dalam kegiatan teknologi maklumat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Katanya dengan penyertaan para pelabur Hungary, Malaysia akan mendapat manfaat daripada kepakaran mereka berkaitan pengeluaran jentera, kejuruteraan kereta api, talian tenaga dan produk berasaskan balak.

"Malaysia yang terletak di kawasan strategik rantau Asia Timur boleh digunakan sebagai pangkalan bagi ahli perniagaan Hungary yang berminat mendapatkan akses ke dalam pasaran menguntungkan ini," katanya pada jamuan malam meraikan Perdana Menteri Hungary Gyula Horn di Sri Perdana.

Yang turut hadir ialah isteri kedua-dua Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Puan Anna Horn.

Dr Mahathir berkata bagi pihak Malaysia ia akan terus menggalakkan para usahawannya menyertai projek-projek ekonomi di Hungary terutama yang berkaitan penswastaan.

"Syarikat-syarikat Malaysia juga boleh menggunakan Hungary sebagai pusat pengedaran bagi beberapa produk kami untuk rantau tengah Eropah Timur," katanya.

Malaysia dan Hungary harus mengambil usaha yang lebih giat ke arah meningkatkan jumlah dan mempelbagaikan dagangan kedua-dua negara, yang kini amat kecil, berjumlah US\$62.8 juta tahun lepas, katanya.

Dr Mahathir berkata perjanjian mengenai kerjasama saintifik dan teknologi serta memorandum persefahaman (MoU) berhubung penggalakan perdagangan yang ditandatangani hari ini akan memperluaskan lagi skop kerjasama dua hala Malaysia dan Hungary.

Katanya perjanjian-perjanjian itu dan yang ditandatangani sebelum ini memberikan rangka kerja yang baik bagi perdagangan, kerjasama ekonomi, penyelidikan dan pembangunan serta pelancongan.

"Kedua-dua negara juga mengiktiraf keperluan untuk merapatkan hubungan antara sektor swasta masing-masing. Hubungan sedemikian akan menggalakkan mereka mengambil peluang untuk mengeksplorasi potensi luas perniagaan yang wujud di kedua-dua negara dan di negara-negara ketiga," katanya.

Dr Mahathir yakin bahawa sokongan yang wujud di antara kedua-dua negara akan menghasilkan rangkaian kerjasama sektor swasta yang baik.

Beliau berharap lebih banyak produk buatan Malaysia dan separa buatan negara ini akan dapat menembusi pasaran Hungary.

Perdana Menteri berkata Malaysia turut menggalakkan Hungary mengadakan pameran dan seminar di sini kerana bidang perindustriannya yang begitu membangun dan keupayaan teknologinya belum begitu dikenali di kalangan para usahawan Malaysia.

Usaha sebegini akan memudahkan para usahawan negara ini mengenalpasti bidang-bidang yang boleh diadakan usahasama.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia menyedari akan minat Hungary untuk menyertai Kesatuan Eropah dan yakin keanggotaannya akan memberi sumbangan besar kepada kesatuan itu.

Sementara itu, dalam ucapan balasnya, Horn berkata negaranya ingin menyumbangkan kreativiti tinggi dan keupayaan intelektualnya dalam aktiviti-aktiviti dua hala.

Beliau juga berkata Hungary dan negara-negara Eropah perlu mempelajari dari Malaysia yang mempunyai rakyat berbagai kaum yang dapat hidup bersama

dalam aman dan damai.

"Orang-orang Eropah dapat mempelajari banyak dari ini kerana sikap toleransi antara satu dengan lain ialah sebahagian dari kejayaannya... kita perlu menghormati pendapat dan aktiviti antara satu dengan lain," katanya.

Horn juga memuji Malaysia kerana akan muncul sebagai sebuah negara maju di dunia. -- BERNAMA

NHD WAT